

KETERANGAN MENURUT FIQH ISLAM DAN ALAT KETERANGAN DALAM ISLAM

Ustaz Mahayuddin Hj. Ahmad
Unit Pendidikan Islam

PENDAHULUAN

Sejak kebelakangan ini Hukum Hudud¹ sering diperkatakan di kalangan masyarakat umum sama ada ianya muslim ataupun sebaliknya. Tambahan pula media massa memainkan peranan penting menambahkan kehangatan perbincangan isu tersebut apabila ianya menjadi perdebatan di kalangan ahli-ahli politik. Dengan ini wujudlah pelbagai pendapat daripada pelbagai pihak. Antaranya pihak PAS menyatakan hukum ini wajib dilaksanakan dan UMNO pula berpendirian tiada halangan jika hendak dilaksanakan sekiranya bersesuaian dengan masyarakat majmuk di Malaysia. DAP pula tegas menghalang perlaksanaannya demi menjamin hak masyarakat bukan muslim.

Persoalan yang timbul sekarang ialah apakah pelaksanaan Hukum Hudud ini akan menzalimi mana-mana pihak sehingga menimbulkan berbagai tanggapan negatif.

Bagi menanggapi persoalan ini kita perlulah memahami bahawa Hukum Hudud ini adalah sama sekali tidak akan menzalimi mana-mana pihak kerana untuk mensabitkan seseorang itu melakukan kesalahan dan boleh dikenakan Hukuman Hudud ianya memerlukan kepada keterangan yang nyata. Apakah keterangan menurut Fiqh Islam?.

1. Jenayah Hudud adalah kesalahan-kesalahan yang telah ditetapkan hukumannya oleh nas-nas Al-Quran dan As Sunnah dan perlaksanaannya adalah hak Allah. Kadar hukumannya tidak boleh dipinda, ditambah atau dikurang. Orang yang disabitkan kesalahan hudud tidak ada seorang manusia atau satu kuasa pun yang boleh memaafkannya. Mengenai jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman hudud empat perkara iaitu mencuri, merompak, berzina dan menuduh orang melakukan zina tanpa membawa saksi.

KETERANGAN MENURUT FIQH ISLAM

Keterangan dari segi bahasa didefinisikan sebagai apa yang nyata dan terang. Menurut istilah syarak, keterangan adalah suatu nyataan yang dibuat untuk membuktikan secara zahir dan nyata tentang kesahihannya. Ia merupakan suatu hujjah yang terang bagi menerangkan hak dan menyatakan kebenaran.²

Setiap pendakwa tidak akan didengar dakwaannya kecuali ia membawa keterangan. Tanpa keterangan segala dakwaannya adalah sia-sia sahaja.

Dalam soal ini Saidina Omar telah berkata bahawa yang dimaksudkan dengan keterangan ialah apa-apa jua yang boleh menerangkan kebenaran sama ada dalam bentuk penyaksian atau dalil-dalil lain.

Daripada definisi-definisi di atas dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa keterangan ialah suatu perkara yang boleh mendatangkan kebenaran sama ada dalam bentuk persaksian, qarinah atau apa-apa jua yang boleh membawa kepada kebenaran.

Beban Mengemukakan Keterangan

Sebelum sesuatu tindakan undang-undang dapat dilakukan terhadap seseorang dalam apa-apa kesalahan sekalipun, bukti yang memuaskan mesti didapati untuk menyabitkan kesalahannya. Dalam keadaan mahkamah tidak dapat membuktikan secara pasti kesalahan orang yang dituduh, maka hukuman tidak dapat dikenakan terhadapnya. Dalam Islam seseorang yang dituduh itu tetap tidak bersalah sehingga ia dibuktikan bersalah. Pembuktian terhadap sesuatu tuduhan merupakan asas utama kepada undang-undang keterangan dalam Islam.

Tujuan utama undang-undang keterangan Islam adalah untuk menegakkan kebenaran sesuatu dakwaan dengan kepastian yang yakin. Dengan cara ini tidak ada sesiapa yang dapat menganiaya seseorang yang lain semata-mata di atas kemampuannya untuk membuat dakwaan di mahkamah. Undang-undang keterangan juga merupakan jaminan ke atas seseorang agar tidak sewenang-wenang dikenakan hukuman oleh pihak pemerintah.

Undang-undang dan acara keterangan Islam telah menetapkan beban dalam membuktikan keterangan adalah dipikul oleh pendakwa sama ada dalam kes-kes jenayah mahupun kes-kes sivil. Manakala pihak yang didakwa pula dibebankan dengan sumpah. Mengikut prinsip sesuatu perkara adalah mengikut kenyataan dan keterangannya. Jadi melalui prinsip inilah bagi orang yang mengaku sebaliknya harus membuktikan kebenaran atas dakwaannya.

² Sidi Ahmad Abdullah, *Kehakiman Islam Satu Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Acara Keterangan Islam Kelantan, 1989.*
Halaman 14.

Dengan lain perkataan jika sesiapa mendakwa apa-apa dari orang lain, adalah menjadi kewajipannya membuktikan perkara itu, kerana pihak yang didakwa adalah bebas dari tanggungannya. Ini adalah kaedah fiqh yang menetapkan adalah *"asal itu terlepas dari melepas dari tanggungan."*

Prinsip yang bebas dari tanggungan inilah yang menyebabkan dakwaan ditolak jika pihak pendakwa tidak dapat membuktikan keterangannya. Jadi keputusannya adalah kembali kepada asal.

Hikmat dibebankan keterangan ke atas pendakwa dan sumpah ke atas pihak yang didakwa kerana pendakwa dipandang lemah, kerana dakwaannya bertentangan dengan kenyataan, maka dibebankan ke atasnya membawa hujjah-hujjah yang kuat iaitu keterangan. Manakala pihak yang didakwa adalah dianggap kuat kerana pada asalnya ia terlepas dari apa-apa tanggungan, memadai dengan sumpah iaitu hujjah yang lemah. Tujuan bersumpah adalah untuk manfaat diri orang yang bersumpah serta menolak kemudaratan ke atasnya.

Dalam membuktikan dakwaan sama ada dalam kes-kes sivil atau jenayah undang-undang keterangan Islam dan acara Islam menentukan bahawa pendakwa dan hakim hendaklah membuktikan sehingga tidak ada was-was yang munasabah. Cara yang dilakukan ialah dengan mengemukakan soalan-soalan kepada pihak yang didakwa. Misalnya satu kejadian yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w. di mana seorang lelaki bernama Ma'iz telah datang pada Rasulullah s.a.w. dan mengaku telah melakukan zina. Kemudian Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya :-

Adakah engkau hanya menciumnya? Engkau hanya sentuhnya? Engkau mengapaknya? Semua soalan itu dijawab oleh Ma'iz dengan jawapan Ya, selepas pengakuannya yang mana ia telah berzina.

Daripada contoh yang diutarakan di atas jelaslah bahawa pihak pendakwa dan juga hakim perlu mengambil kira tentang kesahihan keterangan di dalam menentukan hukuman yang akan dijatuhkan.

Keutamaan Keterangan

Pada dasarnya pihak yang didakwa adalah terlepas daripada sebarang tanggungan, sama ada pembuktian ataupun lain-lain hal. Orang yang menanggung semuanya ini adalah pihak pendakwa. Maka di sini perlu diketahui siapakah pihak pendakwa dan siapa pula pihak yang kena dakwa. Perlu juga diketahui siapa yang akan menanggung beban pembuktian dan siapa pula yang mana keterangannya akan dijadikan sebagai bukti atau keterangannya dimenangkan apabila berlaku satu-satu pertelingkahan.

Persoalan beginilah yang dikatakan sebagai keutamaan keterangan. Sebagai contoh: Apabila "A" telah mendakwa bahawa barang yang ada di bawah pemilikan "B" adalah miliknya bukan milik "B". Akan tetapi

"B" menolak dakwaan tersebut dengan berkeras mengatakan bahawa barang itu tetap miliknya.

Dalam kes ini, keterangan orang luar atau pihak pendakwa haruslah diutamakan. Maksudnya orang yang tidak mempunyai harta iaitu A (pihak pendakwa) mestilah membuktikan bahawa barang yang di bawah pemilikan "B" adalah miliknya. Ini kerana zahinya dibenarkan untuk keterangan atau akan dimenangkan keterangan orang yang memiliki harta tersebut.

Cara-Cara (Alat-Alat) Keterangan Dalam Islam

Para ulama telah bersepakat di dalam menentukan pembahagian ke atas kaedah-kaedah keterangan Islam. Mereka telah menetapkan bahawa kaedah-kaedah keterangan Islam terbahagi kepada enam bahagian.

1. Iqrar (Pengakuan)

Hujjah atau alasan hukum yang paling kuat untuk membuktikan kebenaran dakwaannya bagi pihak pendakwa ialah pengakuan dari pihak yang didakwa, tegasnya pengakuannya atas dirinya sendiri di atas apa yang didakwakan terhadapnya atau "persaksian ke atas dirinya sendiri"³. Ketentuan ini berdasarkan kepada Firman Allah yang bermaksud:-

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah walaupun ke atas diri kamu sendiri".

(Surah An Nisa' 135)

Rasulullah s.a.w. menghukum dengan cara pengakuan ini dalam semua jenis kesalahan yang berhubung dengan pembunuhan, pelukaan, hudud dan kehartaan.

i. Syarat-Syarat Diterima Iqrar

Pengakuan hendaklah dibuat secara jelas dan tepat dengan tidak menggunakan perkataan-perkataan yang samar dan kabur. Pengakuan tersebut juga mestilah terperinci dan mahkamah berpuas hati bahawa orang yang membuat pengakuan itu sedar terhadap pengakuannya, sedar hukuman yang akan diterima akibat daripada pengakuan yang dilakukannya, dan tidak

³ Sidi Ahmad Abdullah, *Kehakiman Islam satu tinjauan terhadap pelaksanaan acara keterangan Islam di Kelantan* - him

melakukan pengakuan kerana tertekan atau oleh sebab satu dorongan, ugutan ataupun sesuatu janji. Di samping itu orang membuat pengakuan tersebut mestilah sihat akalnya dan telah mencapai satu peringkat umur yang ditetapkan oleh mahkamah untuk layak membuat pengakuan.⁴

ii. ***Menarik Balik Iqar***

Apabila ikrar telah sah, maka orang yang beriqar tidak boleh menarik balik iqarnya apabila iqar itu bersangkutan dengan hak Allah seperti berzina, minum arak, maka penarikan baliknya adalah berdasarkan Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Ditolak hudud-hudud dengan adanya perkara-perkara shuybhat".

Jadi penarikan balik daripada iqarnya itu dikira ada syubhat.

2. **Persaksian**

Persaksian bererti perkhabaran mengenai sesuatu yang diketahui dengan lafaz saya bersaksi atau saya telah bersaksi.

Seseorang tidak boleh membuat persaksian melainkan dengan apa yang diketahuinya. Pengetahuan itu hasilnya sama ada dengan melihat, mendengar atau melalui cerita yang sudah tersebar luas.

i ***Hukum Persaksian***

Persaksian adalah fardhu ain ke atas saksi-saksi yang dipanggil untuk membuat persaksian dan apabila ditakuti kehilangan hak (hak Allah atau hak manusia), bahkan kepada saksi-saksi yang tidak dipanggil membuat persaksian pun wajib menghadiri diri apabila ditakuti kehilangan hak. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud :

4. Abu 'Urwah - Sistem-sistem Islam, halaman 191

"Dan janganlah kamu (para saksi) menyembunyikan persaksian. Dan barang siapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya."

(surah al-Baqarah 283)

Persaksian ini wajib dilakukan apabila dikira tidak menimbulkan sebarang kemudaratan pada nyawa, kehormatan, harta atau keluarga saksi, kerana Allah berfirman yang bermaksud :

"Dan janganlah penulis dan saksi saling sulit menyulitkan".

(surah al-Baqarah 282)

Apabila ramai saksi-saksi dan tidak ditakuti kebenaran akan lenyap, maka dalam keadaan ini hukum persaksian adalah sunat.

ii. Status Saksi

Saksi mestilah bebas daripada sebarang bias dan syak wasangka. Prasyarat bagi seseorang saksi ialah ia mesti seorang yang amanah dan bukan orang yang dikenali sebagai pendusta. Mahkamah berhak untuk menyelidik latar belakang seseorang saksi bagi memastikan status seseorang saksi. Persaksian seseorang saksi juga tidak boleh diterima sekiranya terdapat sebarang perselisihan atau permusuhan antaranya dengan orang yang didakwa. Demikian juga persaksian seseorang saksi tidak boleh diterima dalam keadaan-keadaan yang melibatkan kemungkinan keuntungan atau kemungkinan mengelakkan kerugian sesuatu pihak yang ada hubungan dengan saksi seperti kaum kerabat, majikan-pekerja, hubungan perkongsian (partnership) dan sebagainya.⁵

iii. Bilangan Saksi

Bilangan saksi terpulang kepada kes-kes tertentu sama ada kes-kes yang bersangkutan dengan hak Allah atau hak manusia. Hak Allah ialah apa yang disyariatkan oleh Allah untuk masalah manusia umum (masyarakat). Contohnya ibadat, Allah mesyariatkannya adalah untuk mengislah dan mendidik jiwa-jiwa manusia, begitu juga had zina disyariatkan adalah untuk menjaga maruah dan keturunan manusia. Ianya terbahagi kepada tiga kategori:-

5. Abu Urwah, *Sistem-Sistem Islam*, halaman 192 dan 193

- a) Tidak diterima saksi-saksi yang kurang dari 4 orang lelaki pada kesalahan zina, liwat dan persetubuhan dengan binatang. Dalilnya firman Allah dalam surah An-Nisa' ayat 15 dan surah Al-Nur ayat 13.
- b) Diterima saksi 2 orang lelaki pada hukuman hudud selain dari zina seperti minum, arak, hirabah dan lain-lain. Dalilnya firman Allah dalam surah Ath-Thalaq ayat 2.
- c) Diterima saksi seorang lelaki pada melihat hilal Ramadhan, berdasarkan hadis Ibnu Umar; saya memberitahu kepada Rasulullah s.a.w. bahawa saya telah melihat hilal Ramadhan, maka Rasulullah pun berpuasa dan menyuruh orang ramai supaya berpuasa. Hak manusia ialah apa-apa yang disyariatkan oleh Allah untuk masalah individu atau beberapa individu tertentu, contohnya perosakan harta benda, maka adalah menjadi hak peribadi tertentu untuk dia menuntut ganti rugi dari hartanya yang telah dirosakkan itu atau dia hanya memaafkan sahaja. Ianya terbahagi kepada tiga kategori:-
 - i) Yang bersangkutan dengan harta seperti jual beli, sewa-menyewa, hutang, gadaian dan sebagainya. Dalam kes-kes seperti ini diterima 2 orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki dan 2 orang saksi perempuan. Dalilnya firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 282.
 - ii) Diterima 2 orang saksi lelaki pada nikah, talak, wakalah, wakaf, wasiat, semua hudud selain dari zila, illa, khulu, zihar dan lain-lain. Dalilnya sunnah Rasulullah s.a.w. sebagaimana Ibnu Shihab berkata : Dalam sepanjang sunnah Rasulullah s.a.w., Rasulullah tidak pernah mengharuskan syahadah wanita pada hudud, nikah dan talak.
 - iii) Perkara-perkara yang dikhususkan pada kebiasannya untuk wanita sahaja maka bolehlah diterima syahadah 4 orang saksi perempuan yang adil seperti keaiban-keaiban yang terdapat pada wanita dan sebagainya.

3. Al-Yamim (Persumpahan)

Al-Yamim bererti kekuatan. Ia dikatakan kepada persumpahan. Sebagaimana dinamakan salah satu anggota tangan dengan "Al-Yamim" (kanan) kerana lebih kekuatannya daripada tangan yang satu lagi, maka begitu juga dinamakan sumpahan dengan Allah dengan "Al-Yamim" kerana dengan bersumpah itu menguatkan salah satu pihak dengan perkabarnya itu.

1. **Bersumpah Ketika Ketidadaan Saksi**

Apabila pihak yang mendakwa tidak dapat mengemukakan keterangan-keterangan atau saksi-saksi dan pihak yang didakwa menafikan dakwaan itu maka hukumannya adalah mengikut sumpahan pihak yang didakwa. Ini adalah dikhususkan kepada kes-kes yang bersangkutan dengan kehartaan dan barang-barang. Ia tidak di bolehkan untuk dakwaan hukuman kesiksaan dan hudud-hudud tidak dibolehkan.

Diriwayatkan oleh Wail bin Hijr, bahawa Nabi s.a.w. berkata kepada Kindi: "Apakah kamu dapat mengemukakan saksi?". Wail berkata: "Tidak". Rasulullah berkata: "Maka hukuman ke atas kamu mengikut sumpahannya" (Sumpahan pihak yang didakwa) Kindi berkata: "Wahai Rasulullah, lelaki itu seorang yang zalim, dia tidak menghirau akibat dari sumpahannya dan tidak segan-segan mengerjakan apa saja". Rasulullah berkata: "Tidak ada cara yang lain bagi kamu melainkan itu sahaja".

Sumpahan mestilah dengan lafaz Allah atau nama-nama Allah. Sabda Rasulullah yang bermaksud :-

"Sesiapa yang bersumpah maka hendaklah bersumpah dengan nama Allah atau hendaklah diam sahaja".

ii. **Hanya Satu Orang Saksi**

Apabila pihak yang mendakwa tidak dapat mengemukakan 2 orang saksi, iaitu hanya satu orang saksi sahaja, maka dakwaan itu boleh dibuat dengan persaksian seorang saksi itu bersama sumpahan pihak yang mendakwa, berdasarkan sunnah Rasulullah ; Bahawa Rasulullah s.a.w. telah menghukum mengenai sesuatu hak dengan adanya 2 orang saksi, kerana itu jika dikemukakan 2 orang saksi pihak pendakwa boleh mengambil haknya itu, dan jika dikemukakan 1 orang saksi, pihak pendakwa hendaklah bersumpah bersama dengan 1 orang saksi yang itu.

Hukuman boleh dibuat dengan 1 orang saksi bersama sumpahan untuk semua kes melainkan hudud dan qisas. Sebahagian ulamak pula hanya membolehkan dibuat hukum dengan 1 orang saksi bersama sumpahan dalam bahagian kehartaan dan yang bersangkutan dengannya sahaja.

4. Bukti-Bukti Yang Jelas

Sebahagian para fuqaha' memperakui qarinah sebagai satu cara keterangan sekiranya tidak terdapat bukti-bukti lain bagi membuktikan sesuatu dakwaan.⁶ Asas kepada keterangan dan pembuktian melalui qarinah adalah didasarkan kepada ketetapan Rasulullah s.a.w. bahawa seseorang anak itu dinasabkan kepada lelaki yang memiliki tempat tidur di mana anak tersebut lahir.⁷

Yang dimaksudkan dengan qarinah di sini iaitu satu tanda-tanda yang sampai ketahap keyakinan. Sebagai contoh, apabila seseorang keluar lari dari sebuah rumah yang sunyi dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak seperti takut atau menunjukkannya seolah-olah dalam kebingungan, sedangkan ditangannya terdapat sebilah pisau yang penuh dengan lumuran darah. Kemudian ternyata terdapat sekujur mayat yang penuh dengan darah, maka tidak ragu-ragu lagi siapa pembunuhnya. Keadaan ketakutan dan pisau yang berada ditangannya yang penuh lumuran darah sebagai qarinah bahawa dialah pembunuhnya. Ini merupakan satu keterangan bukti yang nyata dan bukti yang kuat.⁸

5. Al-Kitabah

Di masa ini bukti-bukti bertulis yang wujud seperti dokumen, merupakan ayat yang paling penting dan paling kuat. Kerana kemudahan yang terdapat pada masa ini begitu jauh berbeza dari sebelumnya. Sehingga kebanyakan dari perundang hukum moden, misalnya perundangan Hukum Uthmani dan Labnon mewajibkan adanya bukti ini di dalam perkara-perkara yang penting dan menolak bukti saksi kecuali di dalam beberapa hal yang tertentu.

Mazhab Hanafi pada dasarnya tidak bersandar kepada tulisan dan tidak mempraktikannya, sebab tulisan kadang-kadang boleh menyerupai. Akan tetapi setelah ternyata, orang-orang

⁶ Abu Urwah, *Sistem-sistem Islam*, Halaman 193

⁷ Hadith riwayat Muslim

⁸ Muhammad Salam Madkur, *al-Qada' fi al-Islam*, halaman 118

pada umumnya menggunakan dokumen atau surat-surat keterangan bertulis di dalam pergaulan hukum dan membiasakannya sebagai sandaran maka ulama' metaakhirin mengeluarkan fatwa istishan untuk menerima bukti bertulis itu menjadikannya sebagai salah satu bukti yang penting di dalam mahkamah pengadilan.

6. Pengetahuan Qadhi

Mazhab Maliki berpendapat bahawa hakim tidak boleh memutuskan sesuatu perkara atas dasar pengetahuannya terhadap tertuduh. Sama ada pengetahuannya itu sebelum atau sesudah ia dilantik sebagai hakim. Pendapat ini berbeda dengan pendapat mazhab yang lain yang mana mereka membenarkan ke atas setiap hakim mengambil kira pengetahuannya sebagai salah satu bukti terhadap yang dituduh. Ini dilakukan setelah tertuduh telah pun diperiksa terlebih dahulu.

Menurut pendapat Imam Hanafi pula, apabila bersangkutan perkara pengadilan, bahawa pengetahuannya semasa ia menjadi qadhi dan juga di dalam kawasannya ia boleh memutuskan perkara tersebut. Jika sekiranya pengetahuan tersebut sebelum ia diangkat sebagai hakim atau di luar pada wilayahnya, maka dengan pengetahuan tersebut ia tidak boleh memutuskan perkara tersebut.

Manakala muridnya Abu Yusuf, dan Muhammad, pula telah mengatakan bahawa ianya hanya boleh dijadikan sebagai satu dasar sahaja atau dengan kata lain sebagai dasar untuk hakim itu memutuskan perkara tersebut berdasarkan apa yang telah dilihat dan diketahuinya setelah ia menduduki jawatan sebagai seorang hakim.⁹

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya dapatlah dirumuskan bahawa untuk melaksanakan Hukuman Hudud ianya memerlukan satu penelitian yang rapi bagi memastikan tidak berlakunya kezaliman kepada mana-mana pihak. Dengan ini membuktikan betapa pentingnya keterangan sebagaimana yang telah diuraikan dalam mensabitkan kesalahan-kesalahan. Secara tidak langsung ianya menggambarkan kesyumulan dan keadilan Islam sebagai Agama Rabbani.

9. Sidi Ahmad Abdullah, *Kehakiman Islam satu tinjauan terhadap pelaksanaan acara keterangan Islam di Kelantan* - halaman 31-32.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran dan Terjemahannya, (1988) Pustaka Antara.

Abu Urwah, Sistem-Sistem Islam, (1989) Pustaka Salam.

A. Hasjany, Di mana Letaknya Negara Islam, (1970) Pustaka Nasional, Singapore.

Othman Hj. Ishak, (1991) Fatwa Dalam Perundangan Islam, Fajar Bakti.

Sidi Ahmad Abdullah, (1987) Kehakiman Islam Satu Tinjauan terhadap pelaksanaan acara keterangan Islam Kelantan (satu kajian ringkas)